



## FACULTY OF LIBERAL ARTS

## FINAL EXAMINATION

Student ID (in Figures) : 

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Student ID (in Words) : \_\_\_\_\_

Course Code & Name : **MPU2132 BAHASA MELAYU KOMUNIKASI 1**  
 Semester & Year : January – April 2021  
 Lecturer/Examiner : Ms Normaizura Md Zain  
 Duration : 2 Hours

**INSTRUCTIONS TO CANDIDATES**

1. This question paper consists of 2 parts:
  - PART A (30 marks) : THIRTY (30) multiple-choice questions. Answers are to be written in the Multiple Choice Answer Sheet provided.
  - PART B (70 marks) : SOALAN 1 – Pemahaman Tekst  
SOALAN 2 – Tatabahasa  
SOALAN 3 – Karangan (Choose ONE (1) only)
2. Candidates are not allowed to bring any unauthorized materials except writing equipment into the Examination Hall. Electronic dictionaries are strictly prohibited.
3. This question paper must be submitted along with all used and/or unused rough papers and/or graph paper (if any). Candidates are NOT allowed to take any examination materials out of the examination hall.
4. Only ballpoint pens are allowed to be used in answering the questions, with the exception of multiple choice questions, where 2B pencils are to be used.

**WARNING:** The University Examination Board (UEB) of BERJAYA University College regards cheating as a most serious offence and will not hesitate to mete out the appropriate punitive actions according to the severity of the offence committed, and in accordance with the clauses stipulated in the Students' Handbook, up to and including expulsion from BERJAYA University College.

**Total Number of pages = 10 (Including the cover page)**

**BAHAGIAN B : SOALAN SUBJEKTIF (70 MARKAH)**  
**ARAHAN : Jawab semua soalan di bawah ini.**

---

**SOALAN 1 – PEMAHAMAN TEKS (20 MARKAH)**

**Petikan (i)**

*Baca petikan di bawah ini dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.*

Encik Rosli pergi ke pasar borong Selayang. Pasar itu dekat dengan stesen minyak. Encik Rosli pergi dengan kereta. Dia pergi bersama isterinya, Rohani. Di pasar, Rohani beli ayam, ikan dan udang manakala Encik Rosli beli sayur-sayuran seperti sawi, terung dan brokoli. Rohani mengajak Encik Rosli ke tempat buah-buahan. Di sana, mereka membeli tembikai, pisang dan limau. Selepas itu, mereka berdua pulang ke rumah.

1. Apakah nama pasar tersebut? **(2 markah)**
2. Siapakah yang pergi bersama dengan Encik Rosli? **(2 markah)**
3. Bagaimana mereka pergi ke pasar? **(2 markah)**
4. Nyatakan **DUA (2)** barang yang dibeli oleh isteri Encik Rosli. **(2 markah)**
5. Bagaimanakah rasa buah limau? **(2 markah)**

**Petikan (ii)**

*Baca petikan di bawah ini dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.*

Farid: Selamat pagi, Vijay! Awak mahu ke mana?  
Vijay: Oh, Farid. Saya mahu ke Fakulti Perniagaan. Awak belajar di sini juga?  
Farid: Ya. Saya baru mendaftar di sini. Universiti ini sangat besar. Saya hampir sesat.  
Vijay: Tahniah! Saya sudah berada pada tahun kedua di sini.  
Farid: Baguslah. Boleh saya tahu apa yang ada di universiti ini?  
Vijay: Di sini ada banyak fakulti seperti fakulti bahasa, fakulti seni kulinari, fakulti bisnes dan sebagainya. Awak belajar di fakulti mana?  
Farid: Fakulti saya Fakulti Bahasa. Program saya bahasa Inggeris. Awak?  
Vijay: Oh, fakulti awak berdekatan dengan pusat sukan universiti. Di situ juga ada gimnasium, kolam renang, gelanggang badminton dan tenis, dan padang bola sepak.  
Farid: Wah, sungguh menarik! Di mana fakulti awak?  
Vijay: Di sebelah kanan Fakulti Bahasa. Nanti boleh jumpa selalu.  
Farid: Tentu sekali. Baiklah, saya harus pergi dulu. Nanti kita jumpa lagi.  
Vijay: Selamat jalan.

1. Ke manakah Vijay mahu pergi? **(2 markah)**
2. Sudah berapa lama Vijay belajar di universiti itu? **(2 markah)**
3. Apakah program pengajian Farid? **(2 markah)**
4. Apakah **DUA (2)** kemudahan yang terdapat di pusat sukan universiti? **(2 markah)**
5. Di manakah Fakulti Perniagaan? **(2 markah)**

**SOALAN 2 – TATABAHASA (30 MARKAH)**

**a) Bina satu ayat bagi setiap perkataan di bawah:**

I. kedai buku **(2 markah)**

---

II. hospital **(2 markah)**

---

III. bilik kuliah **(2 markah)**

---

IV. kolam renang **(2 markah)**

---

V. perpustakaan **(2 markah)**

---

**(10 markah)**

**b) Terjemahkan ayat-ayat berikut ke dalam bahasa Inggeris.**

1. Budak lelaki itu suka membaca buku.
2. Komputer Raju di atas meja.
3. Ali membeli pen, pensel dan buku.
4. Bilik awak sangat kotor kerana banyak sampah.
5. Saya belajar di Universiti Kuala Lumpur.
6. Basikal Diana sangat mahal dan cantik.
7. Umur ibu Adibah enam puluh lima tahun.
8. Bapa saya suka bersukan dan melancong.
9. Selepas memasak, mereka menonton televisyen.
10. Kami sangat gembira tinggal di Malaysia kerana aman dan selamat.

**(20 markah)**

**SOALAN 3 : KARANGAN (20 MARKAH)**

Tuliskan sebuah karangan dengan memilih **SATU (1)** daripada tajuk di bawah. Panjang karangan anda hendaklah **tidak kurang daripada 100 patah perkataan**.

1. Tuliskan satu karangan tentang “**Kawan Baik Saya**”.

**ATAU;**

2. Ceritakan **LIMA (5)** makanan yang terdapat di Malaysia.

**SOALAN PEPERIKSAAN TAMAT**